

Perdana Menteri terima anugerah ASOCIO '98

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerima Anugerah Persatuan Industri Pengkomputeran Asia-Oceania 1998 (ASOCIO '98) daripada Presiden ASOCIO, Dr. E.C. Kohli, Khamis lepas kerana sumbangannya dalam mempromosikan IT sebagai industri era baru di negara ini.

Perdana Menteri mengetuai senarai penerima anugerah pada malam tersebut yang diadakan sempena mesyuarat tahunan ASOCIO di Kuala Lumpur itu turut mengumumkan penerima Anugerah IT PIKOM-Computimes.

Penerima-penerima anugerah PIKOM-Computimes tahun ini ialah Singer (Malaysia) Sdn. Bhd. yang menerima anugerah Organisasi IT Terbaik untuk sistem Pusat Pentadbiran Serantanya yang membolehkan transaksi perniagaan dijalankan secara dalam talian antara 188 kedai, gndang, ibu pejabat serantau dan kawasan Singer.

Computer Protocol (M) Sdn. Bhd. memenangi Anugerah Produk Terbaik (kategori perkakasan) untuk produk *gateway* suara protokol Internet CpIP. Bagi kategori perisian ia dimenangi oleh FCS Computer Systems Sdn. Bhd. untuk sistem penyepaduan telefoni komputrr WinSuite FCS, dan Multicentric Technology Sdn. Bhd. untuk sistem pemetaan maklumat multisentrik Infomap.

NetCard Corp. Bhd. memenangi anugrah aplikasi Internet untuk sistem operasi kios maklumat netKIOS, manakala tapak web terbaik dimenangi oleh BRG

Interactive Digital Media Sdn. Bhd. untuk tapak web xtremedia.com and juga NetCard untuk tapak web rasmi Sukan Komanwel ke-16 yang berlangsung September lepas.

Anugrah untuk CD-Title Multimedia Terbaik diperolehi oleh Articulate Multimedia Sdn. Bhd. untuk CD multimedia *Storytime with Arti*.

ASOCIO ditubuhkan 1984 untuk mempromosikan perdagangan IT di rantau Asia-Oceania. Ahli-ahlinya terdiri daripada pertubuhan-pertubuhan IT dari

17 negara dan Malaysia diwakili Persatuan Industri Komputer M (PIKOM). ASOCIO '98 juga tel nerima penyertaan Burma dan Kong sebagai ahli baru.

Lain-lain ahli ASOCIO ialah India, Australia, Thailand Taiwan. Selatan, New Zealand Jepun. Ing ngapura. Bangladesh. Nepal, Mo Filipina dan Sri Lanka.

Britain, Amerika Syarikat, K Sepanyol dan Perancis merupakan gofa tamu.